# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# ISNIN 8 APRIL 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | INDUSTRI EKSPORT DURIAN DIPERTINGKAT, MEGA AGRO, UM -28<br>USAHAWAN YAKIN POTENSI EKSPORT DURIAN, MEGA AGRO, UM -29 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br><br>10.<br><br>11.<br>12.<br>13.<br>14. | BINTANG MAS BELIMBING HIBRID PERTAMA MALAYSIA, MUKA DEPAN, BH -1<br>MARDI BERJAYA HASILKAN BELIMBING HIBRID BAHARU, NASIONAL, SH -16<br>BELIMBING KLON HIBRID, SETEMPAT, HM -13<br>MARDI PERKENAL BELIMBING HIBRID, INOVASI, BH -5<br>KLON HIBRID BELIMBING DILANCAR, NEGARA, KOSMO -17<br>MARDI LAUNCHES STAR FRUIT CLONE 'BINTANG MAS', NATION, STAR -14<br>FIRST STARFRUIT CLONE LAUNCHED WITH EYE ON INTERNATIONAL MARKET, NEWS WITHOUT BORDERS, SUN -6<br>MARDI LAUNCHES FIRST STAR FRUIT CLONE, 'BINTANG MAS', NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A14<br>NEW VARIETY, BINTANG MAS WILL BE EXPORTED, NATION, CHINA PRESS -A5<br>NEW SPACE FOR STAR – FRUITS LAUNCHES, NEWS, GUANG MING DAILY -A3<br>NEW STAR FRUIT VARIETY NAMED BINTANG MAS, NATION, SIN CHEW DAILY -11<br>MARDI LAUNCHES FIRST STAR FRUIT CLONE, 'BINTANG MAS', THE SUN DAILY -ONLINE | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/4/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MEGA AGRO | 28 |



KAKITANGAN memproses durian Musang King untuk dieksport ke China.



# Industri eksport durian dipertingkat

Oleh INTAN SUHANA CHE OMAR
intansuhanaomar@gmail.com



DURIAN atau popular digelar sebagai raja buah nampaknya semakin mendapat tempat di hati masyarakat negara luar terutama di China.

Keunikan rasanya yang manis dan berlemak serta bau yang harum membuatkannya bukan sekadar terkenal di Malaysia, malah di luar negara.

Selaras dengan perkembangan yang positif bagi industri durian, pelbagai ruang dan peluang boleh diterokai.

Berdasarkan permintaan yang tinggi di pasaran tempatan dan luar negara, kualiti dan varieti durian yang baik serta penjenamaan Malaysia sebagai pengeluar durian terbaik di dunia, industri ini dilihat boleh menjana pendapatan tinggi kepada usahawan tempatan, seterusnya berpotensi menjadi sumber kekayaan baharu sektor agromakanan negara.



SALAHUDDIN AYUB

Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyasarkan eksport durian beku dalam bentuk ulas dan pes ke China sebanyak 223, 716 tan metrik dengan nilai RM350 juta tahun ini.

Hal ini susulan lawatan kementerian ke General Administration of Customs of People's Republic of China (GACC), di Beijing pada 22 Februari lalu.

Menterinya, **Datuk Salahuddin Ayub** berkata, sasaran itu dapat dicapai berdasarkan peningkatan fasiliti pemprosesan durian diluluskan di republik itu yang kini 31 fasiliti berbanding 19 sebelum ini.

Tegasnya, pengusaha yang terbabit dengan eksport produk berkenaan perlu menjalankan perniagaan secara berintegriti dan bertanggungjawab bagi memastikan nama baik durian negara terpelihara dan eksport kekal untuk selama-lamanya.

"Kekalkan kualiti produk dihasilkan yang memenuhi standard GACC serta elakkan percampuran durian kurang berkualiti dalam pembuatan pes selain pastikan durian dari ladang berdaftar dengan Jabatan Pertanian.

"Kerajaan mengalu-alukan kedatangan pegawai audit GACC ke fasiliti pemprosesan durian dan ladang raja buah itu Mei ini," katanya ketika berucap sempena lawatan kerjanya ke JL Food Industries Sdn. Bhd. di Taman Perindustrian Integrasi Rawang baru-baru ini.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Jamal Harizan Yang Razali dan Pengarah JL Food Industries Sdn. Bhd., Heng Siang Huang.

Pada 12 Mei 2008, kementerian dan *General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine of the People's Republic of China* (AQSIQ) menandatangani Protokol Eksport bagi durian sejuk beku dalam bentuk ulas dan pes.

Malaysia memulakan eksport produk ini setelah AQSIQ melaksanakan lawatan audit ke fasiliti pemprosesan



DURIAN dieksport dalam bentuk ulas dan biji ke China.

"Kekalkan kualiti produk dihasilkan yang memenuhi standard GACC serta elakkan percampuran durian kurang berkualiti dalam pembuatan pes selain pastikan durian dari ladang berdaftar dengan Jabatan Pertanian."



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/4/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MEGA AGRO | 29 |



durian di Malaysia dan kelulusan diberikan kepada fasiliti yang menepati keperluan *Sanitary and Phytosanitary* (SPS) yang ditetapkan oleh China.

Hal ini sejajar dengan penerimaan positif rakyat China terhadap durian dan kerancakan pasaran durian di China serta permintaan yang tinggi terhadap produk tersebut secara tidak langsung membantu menggalakkan industri hiliran berasaskan durian di Malaysia.

Selain itu tambah Salahuddin, eksport durian ke republik berkenaan diingatkan agar tidak mengabaikan aspek kualiti serta mengelak penipuan dengan mengambil untung besar secara jalan mudah.

Produk yang dihasilkan haruslah berkualiti dan memenuhi standard dan keperluan SPS yang digariskan dalam Protokol Eksport.

"Nilai eksport durian akan kita pertingkatkan dalam kuantiti lebih besar tanpa berkompromi dengan kualiti dari semasa ke semasa.

"Sudah tentu saya akan bekerja keras untuk mencapai sasaran berkenaan kerana yakin dengan potensi produk ini," jelasnya.





**SALAHUDDIN AYUB (tengah) bergambar bersama Jamal Harizan Yang Razali (duduk, kiri) dan Heng Siang Huang serta usahawan yang menerima sijil Fasiliti Eksport Durian di Rawang baru-baru ini.**

# Usahawan yakin potensi eksport durian

SEHINGGA 2018, keluasan penanaman durian di Malaysia direkodkan seluas 72,464 hektar dengan pengeluaran sebanyak 251,910 tan metrik. Sehingga kini sebanyak 204 varieti durian telah didaftarkan di bawah Jabatan Pertanian.

Antara varieti durian yang popular ialah varieti durian Raja Kunyit (D197) atau lebih dikenali dengan nama Musang King, D24, varieti Hajjah Hasmah atau IOI (D168), Udang Merah (D175) dan varieti Duri Hitam (D200).

Bagi usahawan raja buah berkenaan pula, mereka yakin dengan pasaran eksport ke China mampu menjana keuntungan yang memberangsangkan.

Menurut usahawan dari syarikat Nictron Agriculture Sdn. Bhd., **Wan Azlina Wan Musa** sejak 2017 syarikatnya membekalkan durian eksport dalam bentuk ulas dan pes ke China.

Walau bagaimanapun, katanya, sehingga kini syarikatnya yang mempunyai 5,000 pokok durian dengan keluasan tanaman sekitar 80 hektar masih tidak dapat menampung permintaan dari negara berkenaan.

"Seperti musim lepas kami telah mengeksport sebanyak 250 tan durian Musang King dan Duri Hitam dalam bentuk ulas dan pes ke daerah Shenzhen, Shanghai dan Guangzhou.

"Itu pun masih tidak mencukupi (kerana) mereka sangat menggemari durian Malaysia berbanding Thailand memaksa kami mengambil bekalan dari penanam lain," jelasnya.

Selain itu tambahnya, dengan kelulusan fasiliti eksport durian yang dimilikinya diharap dapat menjadikan syarikatnya yang beroperasi di Kuala Ketil, Kedah dapat menjadi perintis industri eksport durian di kawasan berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Urusan Dulai Fruits Enterprise Sdn. Bhd., **Eric Chan** berkata, kelulusan fasiliti tersebut dapat membantu mengembangkan lagi industri eksport durian ke luar negara.

"Syarikat kami sebelum ini telah memfokuskan 99 peratus hasil pengeluaran untuk eksport ke luar negara dalam bentuk buah dan ulas.

"Kami berharap dengan kelulusan lebih banyak fasiliti ini dapat merancakkan lagi industri durian sambil dibantu dengan pengurusan harga yang baik," jelasnya.

## INFO

**Syarat-syarat eksport durian sejuk beku dalam bentuk ulas dan pes**

- Produk durian harus dikenakan rawatan sejuk beku bersuhu dari -30 darjah Celsius selama 30 minit.
- Produk harus dikekalkan pada suhu -18 C atau lebih rendah di dalam konsainan semasa pengangkutan.
- Fasiliti harus berdaftar di bawah Jabatan Pertanian.
- Fasiliti harus mempunyai pensijilan Amalan Pengilangan Baik (GMP) yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.
- Fasiliti harus diluluskan oleh General Administration of People's Republic of China (GACC).
- Ladang durian harus mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM).
- Konsainan harus memperoleh Sijil Fitosanitasi dan Sijil Kesihatan sebelum dieksport bagi memastikan tahap keselamatan dan bebas daripada perosak serta penyakit.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/4/2019 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/4/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 16 |

# Mardi berjaya hasilkan belimbing hibrid baharu

**KLUANG** - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) melakar sejarah baharu apabila berjaya melancarkan klon hibrid baharu belimbing pertama di Malaysia, Bintang Mas bagi memastikan industri belimbing di negara ini kembali berdaya saing.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, program pembangunan baka baharu belimbing di Mardi telah bermula dengan aktiviti pengumpulan sumber genetik belimbing pada 1986 sehingga 1990.

"Pada 1991, aktiviti pembangunan baka mula dijalankan di Mardi Kluang untuk menambah baik kualiti buah terhadap varieti sedia ada dan Mardi telah mengambil inisiatif dengan menyediakan koleksi jana plasma yang mengumpulkan sejumlah 102 aksesi belimbing dari dalam dan luar negara.

"Belimbing hibrid ini mempunyai kualiti makanan yang terbaik dari segi kemanisan, kerangupan, tiada rasa kelat dan warna kuning keemasan serta belimbing ini sesuai dituai pada indeks kematangan penuh untuk makanan segar dengan jangka masa kematangan jauh lebih singkat iaitu 68 hingga 73 hari," katanya pada sidang media selepas Majlis Pengisytiharan Klon Baharu Belimbing Mardi di Mardi Kluang di sini, semalam.



Salahuddin (tengah) melihat belimbing Bintang Mas di Mardi Kluang.

Hadir sama, Ketua Pengarah Mardi, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor dan Pegawai Daerah Kluang, Ismail Abu.

Salahuddin berharap dengan adanya klon baharu Mardi itu, industri belimbing di negara ini mampu berdaya saing dan menjadi antara eksport utama negara pada masa hadapan dan dapat memberi pulangan yang lumayan kepada petani dan pengusaha belimbing serta produk-produk berasaskan belimbing.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/4/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 13 |





SALAHUDDIN memetik belimbing klon baharu di Mardi Kluang, semalam.




BINTANG Mas dilancarkan hasil kajian sejak 1986.

Adnan Ibrahim
am@nstp.com.my

# Belimbing klon hibrid

## Bintang Mas lebih manis, masak 68 hari

Kluang

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) melakar sejarah baharu apabila berjaya melancarkan klon hibrid belimbing pertama Malaysia dengan nama komersialnya Bintang Mas bagi memastikan industri belimbing negara mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub berkata, program pembangunan baka baharu belimbing di MARDI bermula dengan aktiviti pengumpulan sumber genetik belimbing sejak 1986 hingga 1990.

"Pada 1991 aktiviti menambah baik baka mula dijalankan di Mardi Kluang untuk membaiki kualiti buah dan Mardi mengambil inisiatif menyediakan koleksi jana plasma bagi mengumpul 102 aksesi belimbing dari dalam dan luar negara.

"Belimbing hibrid ini mempunyai kualiti makanan segera yang terbaik dari segi kemanisan, kerangupan, tiada rasa kelat dan warna kuning keemasan, ia sesuai dituai pada indeks kematangan penuh sebagai makanan segar dengan jangka masa kematangan jauh lebih singkat iaitu 68 hingga 73 hari," katanya berucap pada Majlis Pengisytiharan Klon Baharu Belimbing MARDI di Mardi Kluang di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Mardi, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor dan Pegawai Daerah Kluang, Ismail Abu.

> "Belimbing hibrid ini mempunyai kualiti makanan segera yang terbaik dari segi kemanisan, kerangupan, tiada rasa kelat dan warna kuning keemasan"
>
> *Salahuddin Ayub*

Salahudin berkata, dengan adanya klon baharu Mardi ini, diharapkan industri belimbing negara mampu berdaya saing dan menjadi salah satu eksport utama negara pada masa hadapan, sekali gus memberi pulangan lumayan kepada petani dan pengusaha belimbing serta produk berasaskan buah berkenaan.

"Satu hektar kawasan tanaman belimbing boleh menempatkan 270 pokok dan jika belimbing ini mampu menghasilkan 10 tan per hektar setahun, ini bermakna petani mampu memperoleh pendapatan kasar RM22,000 setahun bagi harga jualan RM2.20 sekilogram.

"Selain itu, melalui konsep kebun campuran kita boleh mengusahakan ternakan lebah kelulut di kebun belimbing dan dengan keluasan satu hektar, kita boleh menempatkan sebanyak 30 koloni lebah kelulut.

"Dengan cara ini, petani boleh memperoleh pendapatan sampingan antara RM750 hingga RM3,000 per hektar sebulan," katanya.

Menurutnya, sepanjang 2017 luas kawasan tanaman belimbing di Malaysia seluas 828 hektar dengan nilai pengeluarannya RM19.24 juta.

Katanya, Johor pengeluar utama belimbing di Malaysia dengan keluasan tanaman seluas 372 hektar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/4/2019 | BERITA HARIAN | INOVASI | 5 |

# MARDI perkenal belimbing hibrid

**Klon baharu Bintang Mas pastikan industri kembali berdaya saing**

**Oleh Adnan Ibrahim**
cnews@nstp.com.my

**Kluang**

MARDI memperkenalkan klon baharu belimbing hibrid pertama di Malaysia yang diberi nama komersial, Bintang Mas bagi memastikan industri belimbing di negara ini kembali berdaya saing dalam pasaran termasuk pada peringkat antarabangsa.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata program pembangunan baik baka baharu belimbing di MARDI bermula dengan aktiviti pengumpulan sumber genetik belimbing pada 1986 hingga 1990.

"Pada 1991, aktiviti pembangunan pembaik bakaan mula dijalankan di MARDI Kluang untuk menambah baik kualiti buah terhadap kepelbagaian sedia ada dan MARDI mengambil inisiatif dengan menyediakan koleksi janaplasma yang mengumpulkan 102 aksesi belimbing dari dalam dan luar negara.

"Belimbing hibrid ini mempunyai kualiti makanan segera yang terbaik dari segi kemanisan, kerangupan, tiada rasa kelat dan warna kuning keemasan dan belimbing ini sesuai dituai pada indeks kematangan penuh untuk makanan segar dengan jangka masa kematangan jauh lebih singkat iaitu 68 hingga 73 hari," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pengisytiharan Klon Baharu Belimbing MARDI di MARDI Kluang di sini, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor dan Pegawai Daerah Kluang, Ismail Abu.

## Mampu jadi eksport utama

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, beliau berharap dengan adanya klon baharu MARDI, industri belimbing Malaysia mampu berdaya saing dan menjadi satu daripada eksport utama negara pada masa hadapan, selain memberi pulangan lumayan kepada petani dan pengusaha belimbing, termasuk produk berasaskan belimbing.

"Satu hektar kawasan penanaman belimbing ini menempatkan 270 pokok dan jika belimbing yang diberikan nama komersial sebagai Bintang Mas ini mampu mengeluarkan hasil 10 tan per hektar setahun, ini bermakna petani mampu memperoleh pendapatan kasar RM22,000 setahun bagi harga jualan ladang, iaitu RM2.20 sekilogram.

"Selain itu, melalui konsep kebun campuran juga, kita boleh mengusahakan ternakan kelulut di kebun belimbing ini dan dengan keluasan satu hektar, kita boleh menempatkan 30 log koloni kelulut dan petani boleh mendapat pendapatan sampingan antara RM750 hingga RM3,000 per hektar sebulan," katanya.



***Salahuddin bersama Mohamad Roff (kanan)** melihat Belimbing Mas pada Majlis Pengisytiharan Klon Baharu Belimbing MARDI di Kluang, semalam.*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/4/2019 | KOSMO | NEGARA | 17 |

Tanaman itu dijangka beri pulangan besar termasuk bagi tujuan eksport

# Klon hibrid belimbing dilancar

**KLUANG** – Klon hibrid bagi buah belimbing pertama di Malaysia yang dikenali sebagai Bintang Mas dilancarkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) semalam bertujuan memastikan belimbing negara mampu kembali berdaya saing dalam pasaran termasuk di peringkat antarabangsa.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pihak Mardi sebelum ini sudah melaksanakan aktiviti pengumpulan dan pembangunan baka baharu belimbing pada 1986 sehingga 1990.

Beliau berkata, bermula pada tahun 1991, aktiviti penambahbaikan kualiti kemudian dijalankan di Mardi Kluang bagi varieti belimbing sedia ada.

"Dalam masa sama, pihak Mardi berjaya menyediakan koleksi jana plasma yang mengumpulkan 102 aksesi belimbing dari dalam dan luar negara.



SALAHUDDIN melihat belimbing dikenali Bintang Mas pada majlis pengisytiharan klon baharu tanaman itu di Mardi Kluang, Johor semalam.

"Belimbing hibrid ini mempunyai kualiti makanan yang terbaik dari segi kemanisan, kerangupan, tiada rasa kelat dan warna kuning keemasan serta sesuai dituai pada indeks kematangan penuh untuk makanan segar dengan jangka masa kematangan jauh lebih singkat iaitu 68 hingga 73 hari," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pengisytiharan klon baharu belimbing Mardi di Mardi Kluang di sini semalam.

Menurut Salahuddin, pihaknya berharap dengan adanya klon baharu itu, Mardi mampu mengeksport hasil berkenaan sekali gus menjadi antara negara pengeksport utama produk berasaskan belimbing.

Jelas beliau, penanaman belimbing itu dijangka mampu memberikan pulangan yang besar dengan satu hektar kawasan penanamannya mampu menempatkan sehingga 270 pokok.

"Bintang Mas ini mampu mengeluarkan hasil 10 tan per-hektar setahun, ini bermakna petani akan memperoleh pendapatan kasar sekitar RM22,000 setahun bagi harga jualan ladang iaitu RM2.20 sekilogram," katanya.

Tambah Salahuddin, pada 2017, luas kawasan tanaman belimbing di negara ini adalah 828 hektar dengan Johor merupakan negeri pengeluar utama belimbing membabitkan 372 hektar keluasan.

"Malaysia juga merupakan pengeluar dan pengeksport belimbing ke negara Eropah seperti Belanda, Perancis, Switzerland, selain Kanada serta negara-negara Asia seperti Singapura dan Hong Kong dengan purata eksport tahunan RM24 juta," kata beliau. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/4/2019 | STAR | NATION | 14 |

# Mardi launches star fruit clone 'Bintang Mas'



**New kid on the block:** Salahuddin (second from right) holding the Bintang Mas at the launch here yesterday. With him is Mardi director, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor (second from left). — Bernama

**KLUANG:** The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) has launched the country's first star fruit hybrid clone, Bintang Mas (Golden Star), to break into the international market.

Agriculture and Agro-Based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub said Mardi had conducted research work into the clone since 1986.

"The hybrid star fruit has the best qualities of the fruit in terms of sweetness and crispiness, and is yellow in colour, suitable for harvest within a shorter period of maturity of between 68 and 73 days," he told reporters after the launch of Bintang Mas at the Kluang Mardi station here yesterday.

He said hopefully, Mardi would export Bintang Mas and make Malaysia one of the main exporters of the fruit.

He added that it would also open up new opportunities for the people, with one hectare capable of sustaining 270 trees.

"One hectare of Bintang Mas can produce 10 tonnes of fruits each year, so this means that farmers can get a gross profit of about RM22,000 each year, with the farm produce fetching RM2.20 per kg.

"In addition, through mixed farming, we can also propagate stingless bee honey (madu kelulut) on the star fruit farm, " he said.

Salahuddin said in 2017, there were 828 hectares of land planted with star fruits in the country, with Johor being the largest producer with 372 hectares. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/4/2019 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 6 |



Salahuddin (centre) and Mardi director-general Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor sampling Bintang Mas at the launch. – *BERNAMAPIX*

# First starfruit clone launched with eye on international market

**KLUANG:** The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) yesterday launched the country's first starfruit hybrid clone, Bintang Mas (Golden Star), which is set to break into the international market.

Agriculture and Agro-Based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub said Mardi has conducted research into the clone since 1986.

"The hybrid starfruit has the best qualities of the fruit in terms of sweetness and crispiness, and a shorter maturity period of between 68 and 73 days," he said.

Salahuddin was speaking to reporters after the launch at the Kluang Mardi station yesterday.

He said Mardi would, hopefully, export the clone and make Malaysia one of the main exporters of the fruit.

He said it would also open up new opportunities for local farmers, with one hectare accommodating up to 270 plants.

"One hectare of Bintang Mas can produce 10 tonnes of fruits each year. This means farmers can get a gross profit of about RM22,000 each year, with the farm produce fetching RM2.20 per kg.

"In addition, through mixed farming, we can also propagate stingless bee honey (madu kelulut) on the starfruit farm," he said.

Salahuddin said in 2017, 828ha of land in the country was planted with starfruits, with Johor being the largest producer with 372ha.

"Malaysia also exports starfruits to European countries such as the Netherlands, France, Switzerland and Canada as well as Singapore and Hong Kong, with an annual export value of RM24 million," he said. – Bernama

| Headline | Mardi launches first star fruit clone, `Bintang Mas` | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 08 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A14 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 196 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,438 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,313 |



# 成功研发金星杨桃

**居銮7日讯**｜马来西亚农业发展研究院（MARDI）居銮分局成功研发新杨桃品种，命名为金星杨桃（Bintang Mas），农业及农业工业部准备将上述新品种杨桃推出海外市场。

农业及农基部长拿督沙拉胡丁阿育说，马来西亚农业发展研究院居銮分院成功研发的金星杨桃，是利用高科技研发出来的新品种水果，随著该院成功研发出具有行销价值农产品，开拓农业市场及增加国家收入，政府计划将金星杨桃出口外国。

「金星杨桃将被打造作为出口的重要水果。金星杨桃的行销工作目前尚在进行阶段。」

他说，新品种的杨桃味道更甜美、爽脆，外表呈金黄色，而且只需栽种68至73天就可收成。

沙拉胡丁阿育今日上午出席金星杨桃命名推介仪式上，这么透露。出席者包括该院居銮分局局长拿督莫哈末鲁、官员阿末哈尼斯、居銮县长依斯迈阿武等。



外表呈金黄色的新杨桃—金星杨桃，比其他品种的杨桃更甜美、爽脆。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | New variety, Bintang Mas will be exported | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 08 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A5 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 588 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,599 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 34,797 |








新品种金星杨桃，将进军国际市场。

依斯迈（左起）、莫哈末鲁、沙拉胡丁阿育及阿末哈尼斯，为新品种杨桃取名为金星。

# 居鑾MARDI研發新品種 金星楊桃衝出大馬

（居銮7日讯）农业及农基部长沙拉胡丁阿育指出，大马农业研究院（MARDI）居銮分局成功研发出新品种金星杨桃（Bintang Mas），并准备进军国际市场。

他说，农业研究院成功研发出具有行销价值的农产品，开拓农业市场及增加国家收入。

"我想要把金星杨桃，打造为出口国家的重要水果，希望它的角色和功能，可与大马著名水果猫山王榴梿一样。"

沙拉胡丁阿育今早为大马农业研究院居銮分局新品种金星杨桃主持推介礼时说，金星杨桃出口至外国的行销工作，尚在进行阶段，在一切准备就绪，就会马上出口至外国。

另外，他说，农业领域是具有潜质的发展领域，希望有更多年轻人加入，参与各项农业种植活动。

较早前，沙拉胡丁阿育透露，柔佛州是占地最大，是全马种植杨桃的首要生产地，共有372公顷的土地种植杨桃。

"其他生产地，则是森美兰州（134公顷）、砂拉越（127公顷）、雪兰莪（59公顷）及彭亨（53公顷）。

出席者包括大马农业研究院居銮分局院长拿督莫哈末鲁、官员阿末哈尼斯、居銮县长依斯迈。



■柔佛州是主要杨桃生产地，共有372公顷的土地种植杨桃。

## 以高科技配種更香甜

金星杨桃是通过高科技配种技术完成的水果，比一般的杨桃还要甜，吃起来没有苦涩滋味。

沙拉胡丁阿育希望此新品种水果推出后，除了行销国外，也能在本地成为受欢迎的水果。

他说，金星杨桃也带动无限商机，并发行销各种周边产品，为农民及供应商带来可观收入。

他说，270棵金星杨桃树，占地1公顷种植地，每年生产约10吨的杨桃，能获得约2万2000令吉的净收入。

"从出产至批发商，到零售商，每公斤杨桃价格从2令吉20仙，到最后售价5令吉60仙，让每个阶段的行销商，获得40至50%的差额收入。"

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | New specie for star-fruits launches | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 08 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A3 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 262 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,946 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,838 |




# 新品種金星楊桃面世

## “大馬之星”將進軍國際

（居銮7日讯）新品种杨桃今面世，农业及农基部长拿督沙拉胡丁命名为“金星杨桃”，为此农产品感到自豪，又名“大马之星”（Bintang Mas），将成为马来西亚代表性出口水果之一，进军国际。

沙拉胡丁在致词时推介新品种杨桃，颜色金黄、香味扑鼻，果肉口感清脆且甜而不腻，是马来西亚第一款混种嫁接的杨桃，加上成熟期较短，获得高度赞誉。

“大马农业研究与发展局研发的金星杨桃是我们的骄傲，此品种相当厚实耐放，利于出口国外，因此我希望‘大马之星’的地位能和著名的猫山王榴梿媲美。”

他今早出席大马农业研究与发展局（MARDI）推介新品种金星杨桃主持推介礼时，如是指出。

沙拉胡丁也感谢大马农业研究与发展局努力提升产品的质量，该局目前共有600名科研人员，致力于研发具有行销价值的农产品，开拓农业市场及增加国家收入。

### 研发农产品增国家收入

他说，出口工作尚在规划阶段，要先依据全国栽种范围才可统计产量，一旦就绪，金星杨桃即可外销。

“以往我们的杨桃大多数出口至欧洲、加拿大，亚洲的有新加坡及香港。在外常听闻许多被冠上泰国之名的热带水果，如泰国榴梿等，因此我也期盼马来西亚有代表性的农产品。”

较早前，他透露柔佛州为我国最大的杨桃生产地，种植范围占地372英亩，其次为森美兰（134英亩）、砂拉越（127英亩）、雪兰莪（59英亩）及彭亨州（53英亩）。




■沙拉胡丁（右二）为新品种杨桃举行推介礼，并命名为“金星杨桃”。左起为依斯迈及莫哈末罗夫，右为阿末哈费兹。

他强调，农业是具有潜质的发展领域，应鼓励更多年轻人加入培训、学习管理，并参与各项农业种植活动。

出席者包括大马农业研究与发展局总监莫哈末罗夫、官员阿末哈费兹及居銮县县长依斯迈。(LSL)


Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | New star fruit variety named Bintang Mas | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 08 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 11 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 307 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,303 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 27,909 |



# 新種楊桃 命名“大馬之星”



“金星杨桃”被改名为大马之星，甜度高、果肉厚实。

## 農長：盼進軍國際市場

（居銮7日讯）新品种杨桃今日面世，农业及农基部长拿督沙拉胡丁对此农产品感到自豪，并为其命名为“大马之星”（Bintang Mas），又称（金星杨桃Golden Star），并希望将成为马来西亚代表性出口水果之一，进军国际市场。

沙拉胡丁在推介此新品种杨桃时形容，这新品种杨桃是马来西亚第一种以科技混种嫁接，结果后只需68至73天即成熟的杨桃果，较之前品种B17还提早12天可收成。加上其色泽金黄、香味扑鼻，果肉口感清脆且甜而不涩，获得高度赞誉。

### 盼能媲美猫山王

“此品种是我们的骄傲，这种杨桃厚实耐放，利于出口，因此我希望‘大马之星’在国际上的地位能和闻名海内外的猫山王榴梿媲美。”

沙拉胡丁今早出席大马农业研究与发展局（MARDI）新品种金星杨桃推介礼时说，出口工作尚在规划阶段，要先依据全国栽种范围才可统计产量，一旦就绪，金星杨桃即可外销。

### 柔是最大生产地

他也透露，柔佛州为我国最大的杨桃生产地，种植范围占地372公顷，其次为森美兰（134公顷）、砂拉越（127公顷）、雪兰莪（59公顷）及彭亨州（53公顷）。

他指出，1英亩土地可种植270棵金星杨桃树，每年可生产约10吨杨桃，带来2万2000令吉的净收入。



沙拉胡丁（右二）为命名“金星杨桃”的杨桃主持推介；左起为依斯迈及莫哈末罗夫及阿末哈费兹（右一）。

出席者包括大马农业研究与发展局总监莫哈末罗夫、官员阿末哈费兹及居銮县县长依斯迈。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/4/2019 | THE SUN DAILY | ONLINE | |

# Mardi launches first star fruit clone, 'Bintang Mas'

07 APR 2019 / 16:27 H.

Agriculture and Agro-Based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub (in black) enjoys some star fruit at the launch of the new Mardi star fruit clone Bintang Mas at the Kluang Mardi station on April 7, 2019. — Bernama

**KLUANG:** The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) today launched the country's first star fruit hybrid clone, Bintang Mas (Golden Star), which will break into the international market.

Agriculture and Agro-Based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub said Mardi had conducted research work into the clone since 1986.

"The hybrid star fruit has the best qualities of the fruit in terms of sweetness and crispiness, and is yellow in colour, suitable for harvest within a shorter period of maturity of between 68 and 73 days," he said.

Salahuddin was speaking to reporters after the launch of the new Mardi star fruit clone Bintang Mas at the Kluang Mardi station, here today.

He said Mardi would hopefully export the new clone of star fruits and make Malaysia one of the main exporters of the fruit.

He added that it would also open up new opportunities for the people, with one hectare (ha) producing 270 plants.

"One hectare of Bintang Mas can produce 10 tonnes of fruits each year, so this means that farmers can get a gross profit of about RM22,000 each year, with the farm produce fetching RM2.20 per kilogramme.

"In addition, through mixed farming, we can also propagate stingless bee honey (madu kelulut) on the star fruit farm, " he said.

Salahuddin said in 2017, there were 828 ha of land planted with star fruits in the country, with Johor being the largest producer with 372 ha.

"Malaysia also exports star fruits to European countries like the Netherlands, France, Switzerland and Canada as well as Singapore and Hong Kong, with an annual export value of RM24 million," he added. — *Bernama*